



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LIPIM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
<u>Tajuk Projek:</u> CADANGAN UBAHSUAI 2 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIA ADA DAN MENDIRIKAN BANGUNAN TAMBAHAN 2 TINGKAT DI ATAS LOT 6 (NO. 6) DAN LOT 7 (NO. 8) JALAN PANTAI 9/7, SEKSYEN 10, BANDAR PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN <u>No. Kontrak:</u> PKNS/UPSL/US-LOT6&7/S10PJ/ KON-1/2025	<u>CIDB :</u> Gred G6 Kategori : B Pengkhususan : B04	BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT 2, BLOK D, IBU PEJABAT PKNS, NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14, SHAH ALAM, SELANGOR. <u>Pada :</u> 26 Jun 2025 hingga 3 Julai 2025 <u>Jam:</u> 9:00 Pagi hingga 4:00 Petang	21 Julai 2025 (Isnin) Jam 12:00 Tengah Hari

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
- ii) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
- iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001 : 2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)

2. Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:

- i) Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya **RM620,000.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ratus Dua Puluh Ribu Sahaja);**
- ii) Status syarikat tidak disenaraihitam atau dikenakan sebarang **Tindakan Tatatertib oleh CIDB.**

3. **LAWATAN TAPAK** akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 25 Jun 2025 (Rabu)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : 2 Unit Banglo, Lot 6 (No. 6) dan Lot 7 (No. 8), Jalan Pantai 9/7, Seksyen 10, Petaling Jaya, Selangor

Kehadiran ke lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Wakil syarikat yang hadir ke taklimat tender perlulah dari kalangan yang berkeelayakan seperti Pengarah Syarikat / Pengurus Projek / Jurutera / Jurukur Bahan atau yang berkenaan. Hanya syarikat yang hadir sahaja layak membeli dokumen tender. Syarikat perlu mengemukakan salinan CIDB, SPKK, SSM, Pengiktirafan Bumiputera dan sekiranya syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa surat perwakilan yang sah.

4. Dokumen Tender akan dijual (**Pendrive Softcopy**) pada harga **RM150.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)**. Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat seperti berikut:-

- i) Melalui **Kad Debit, Kad Kredit atau Draf Bank (atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR atau PKNS)** hendaklah dibuat di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan dapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk mengambil Dokumen Tender.

5. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **25 Jun 2025**.

6. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK)** serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

7. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.

8. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300
<http://etender.pkns.gov.my>

- ii) Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.